

Konstabel antara 429 ditahan dalam Op Club Rats

1 Oktober 2019

Konstabel antara 429 ditahan dalam Op Club Rats

KUALA LUMPUR 30 Sept. - Tugas seorang anggota polis adalah untuk membanteras jenayah dan menjaga ketenteraman awam.

Bagaimanapun dalam operasi khas iaitu 'Op Club Rats' dijalankan selama tiga hari yang berakhir semalam menahan seorang anggota polis berpangkat konstabel bersama 429 individu lain kerana positif ujian air kencing dan memiliki dadah di pusat-pusat hiburan di ibu negara.

Kesemua mereka yang ditahan merupakan sebahagian daripada 1,350 individu yang diperiksa di 22 pusat hiburan di sekitar Kuala Lumpur.

Daripada jumlah itu, 275 indi-

vidu positif dadah manakala 154 ditahan kerana memiliki dadah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Mohd. Khalil Kader Mohd. berkata, turut ditahan seramai 35 warga asing positif dadah.

Ujarnya, dalam operasi tersebut, Konstabel polis berusia 27 tahun itu ditahan kerana positif dadah jenis methamphetamine.

"Dalam hal ini, pihak kita sama sekali tidak akan berkompromi dan tiada layanan istimewa sekiranya penjawat awam terlibat dengan dadah.

"Kesemua tangkapan direman di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah bagi

siasatan lanjut di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim.

Mengulas lanjut, Mohd. Khalil memberitahu, kesemua pusat hiburan yang diserbu mempunyai lesen yang sah.

"Pihak kita akan bertemu dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi tindakan selanjutnya memandangkan kesemua lesen yang diperoleh oleh premis diserbu dikeluarkan oleh mereka," jelasnya.